

12

**SOALAN NO: 6**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
KAWASAN : KUDAT**

**SOALAN:**

**YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kerja-kerja lapangan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo melibatkan jajaran jalan coastal highway dari Tuaran ke Kudat telah dimulakan kerana berdasarkan jawapan terdahulu ianya sepatutnya telah mula dilaksanakan pada hujung tahun lalu namun nampaknya ianya seperti belum bermula.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah bagi jajaran Tuaran – Kudat dibahagikan kepada 6 pakej kerja melibatkan anggaran panjang jalan sejauh 123 km. Kesemua pakej kerja tersebut sedang dalam peringkat akhir proses tender sebelum diangkat untuk pertimbangan Agensi Pusat. Memandangkan skop pembinaan jajaran Tuaran – Kudat ini adalah melibatkan pembinaan jalan baru di pesisir pantai, pihak Kerajaan Persekutuan bersama-sama Kerajaan Negeri Sabah telah mengambil masa lebih panjang bagi memastikan kualiti reka bentuk jalan tersebut adalah menepati kehendak dengan mengambil kira struktur tanah dan muka bumi setempat. Buat masa ini, kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada April 2018 secara berperingkat. Pembinaan bagi keseluruhan jajaran ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2021.

Sekian, terima kasih.